

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN
ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 8 JUN 2015

RUJUKAN : 8068

SOALAN:

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian harus memanfaatkan tenaga Pendatang Asing Tanpa Izin yang ditangkap dengan mengenakan denda kepada tauke-tauke yang bertanggungjawab seterusnya mengeluarkan permit terhad untuk membolehkan tenaga mereka terus digunakan untuk kemajuan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana orang yang didapati bersalah menggaji satu (1) atau lebih orang pendatang asing tanpa izin (PATI) boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/ 63 iaitu denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang PATI yang digaji.

Pada masa yang sama mana-mana orang yang menggaji lebih dari lima (5) orang PATI boleh dikenakan penjara tidak kurang enam (6) bulan tetapi tidak lebih lima (5) tahun dan boleh dikenakan tidak lebih enam (6) sebatan. Manakala PATI yang bekerja secara tidak sah juga tidak terkecuali untuk melalui proses perundangan yang sewajarnya.

Kerajaan pernah mengadakan satu 'exercise' menyeluruh untuk mendaftarkan pekerja asing dan PATI pada bulan Julai hingga Ogos 2011 melalui Program 6P yang terdiri dari enam (6) fasa pelaksanaan iaitu Pendaftaran, Pengampunan, Pemutihan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Melalui fasa Pendaftaran, Kerajaan telah berjaya mendaftarkan seramai 1,016,908 pekerja asing dan seramai 1,303,126 PATI. Manakala, sejumlah 556,055 PATI telah melalui fasa Pemutihan yang berlangsung sehingga November 2013.

Seperti sedia maklum, Program 6P telah pun tamat dan pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan Program 6P semula.